



Kata Berimbuhan

Graviti di Bumi

Murid-murid sedang **mempelajari** topik graviti. Cikgu Shanti **memberikan penjelasan** tentang topik tersebut.

Menurut Cikgu Shanti, graviti ialah daya yang **menarik** objek ke arah pusat bumi. Daya **tarikan** graviti bumi **menyebabkan** setiap objek **berada** pada **kedudukannya**. Oleh sebab itu, objek tidak akan terapung-apung di udara.

Cikgu Shanti **memainkan** klip video **menerusi** tablet pintarnya. Tablet itu **diletakkan** pada **telapak** tangannya.

Stesen Angkasa Lepas



Bumi



"Sila laman sesawang ini. Kamu akan dapat memahami kepentingan graviti kepada kita," kata Cikgu Shanti.

Klip video dalam laman sesawang itu memaparkan kehidupan di stesen angkasa lepas. Angkasawan di stesen itu kerana tiada graviti. Video itu jelas perbandingan antara kehidupan di stesen angkasa lepas dengan di bumi.

Bumi mempunyai graviti. graviti akan menyebabkan setiap objek berada pada kedudukannya. Manusia dan haiwan dapat di atas permukaan bumi dan tidak . Daun-daun akan gugur lalu di atas tanah. Dengan adanya graviti, manusia dapat menjalani di bumi dengan mudahnya.

Nota Guru
5.2.1(i)(ii)(iii)(iv)

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata berimbuhan.
 - Minta murid melengkapkan perenggan dengan menggunakan kata berimbuhan.
- KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan Strategi PdP: KP – Konstruktivisme
EMK: Bahasa

